

Berita JMM



Newsletter of the Department of Museums Malaysia

BERITA JMM JILID 28 ■ MEI - OGOS 2019

BIL. 2/2019



MENARIK DI DALAM:

- Perasmian Pameran Raja Kita
- Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2019 di Sabah

www.jmm.gov.my

Jabatan Muzium Malaysia

@jabatanmuziummalaysiaofficial

@JMMalaysia





EDITORIAL



Assalamualaikum W.B.T.

Yang di-Pertuan Agong, Institusi Beraja peringkat Persekutuan yang disempurnakan sempena penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1957, menjadi kebanggaan dan maruah negara serta simbol agung kedaulatan kita.

Bersempena dengan Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan Pameran Raja Kita sebagai satu pendekatan untuk menengahkan dan mengangkat Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep raja berperlembagaan dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini.

Selain itu, edisi buletin kali ini turut memaparkan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan kali yang ke-23 yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Kota Kinabalu, Sabah. Turut dimuatkan juga pelbagai program per muzium yang dijalankan oleh 20 buah muzium persekutuan di bawah Jabatan Muzium Malaysia antaranya Bicara@Muzium, Semarak Muzium dan program jangkauan luar atau *outreach* dalam usaha membudayakan ilmu dan memupuk semangat patriotisme kepada komuniti setempat.

Sebarang pandangan dan kritikan membina amatlah bermakna bagi Sidang Pengarang untuk memperbaiki dan meningkatkan persembahan serta kandungan buletin ini.

Sekian, terima kasih.

“Muzium Kita Tamadun Kita”

Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof
Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman)



LIDAH PENGARANG

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohd Azmi bin Mohd Yusof

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin
Shahrul Nizam bin Jais

PENYELARAS

Nor Hasni binti Che Hassan
Hamidah binti Mohd Tahir
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000, (+603) 2282 6255
Faks: (+603) 2282 6434
<http://www.jmm.gov.my>

DICETAK OLEH

Sepantas Kurnia (M) Sdn Bhd

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali. Buletin ini boleh dimuat turun daripada laman web JMM.

RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN

Pameran Raja Kita sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI pada 30 Julai 2019 di Muzium Diraja.

KANDUNGAN

JILID 28 / BIL.2/2019
MEI - OGOS 2019



04 Perasmian Pameran Raja Kita 2019



06 Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 Kota Kinabalu



08 Seminar Muzium Sebagai Hab Kebudayaan: Kelangsungan Tradisi



09 Program Pencambahan Minda "Bengkel Membuat Kotak Dan Sokongan Artifak"



10 Program Outreach "Muziumku Sekolahku" Di Sekolah Kebangsaan Membedai WP Labuan



11 Peraduan Mewarna Sempena Hari Muzium Antarabangsa 2019



12 Program World Oceans Day 2019



13 Pemasangan Plak Warisan Kebangsaan Di Muzium Negara



14 Lawatan Ke Unit Pengawetan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia



15 Program Out-Rreach Sempena Hari Seni Pra-Sekolah Sk Bangsar, Jalan Pantai Baharu



16 Berita bergambar



18 Pameran Sempena Program Karnival Lenggong 2019



19 Out-Rreach Program "Kenali Muzium" SMK Dato' Abu Bakar Baginda, Bangi



20 Semarak Ekplorasi : Arkeologi Kota Kayang



21 Program Syoknya Muzium dan Sejarah



22 Bicara@Muzium : Semangat Lilin Evolusi Batik Ruzzgahara



23 Program Outreach "Kenali Muzium@Muzium Automobil Nasional Siri I 2019"



24 Program Bicara@Muzium : Pemuliharaan Warisan Sejarah Kota Kuala Kedah : "Usaha Pemuliharaan Dari Sudut Teknikal Dan Sejarah Kota"



25 Kursus Aplikasi Sains Dalam Pemuliharaan Artifak



26 Program Bicara@Muzium 2019 Bertajuk: Keaslian Orang Asli: Menjejak Asal Usul Leluhurnya



28 Majlis Ramah Mesra Penggiat Industri Pelancongan Di Jabatan Muzium Malaysia



29 Tradisi Bamukun Kedayan Labuan "Landasan Interaksi Teruna-Dara, Mengerat Silaturrahim"



30 Jejak Sejarah Muzium Sungai Lembing



31 Puisi : Cinta Warga Merdeka

PAMERAN RAJA KITA 2019

Oleh : Salmiahwati binti Djafar, Muzium Diraja



Cetusan idea penganjuran Pameran Raja Kita bermula sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong VII pada 10 Julai 1980 di Muzium Negara. Seterusnya, pameran ini menjadi tradisi dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Muzium Malaysia untuk direalisasikan sebagai salah satu acara utama sempena Istiadat Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Bersempena dengan Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa

Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj sebagai Yang di-Pertuan Agong XVI dan Raja Permaisuri Agong pada 30 Julai 2019, Pameran Raja Kita sekali lagi dilangsungkan dengan jayanya kali ini di Balairong Seri, Muzium Diraja (Istana Negara Lama).



PROGRAM UTAMA

Pameran Raja Kita dibuka kepada orang ramai selama tiga bulan bermula pada 5 Ogos hingga 5 November 2019. Pameran dibuka dengan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemar duli merasmikan Pameran Raja Kita. Turut berkenan berangkat ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Perasmian pameran ini turut mengundang jemputan yang terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Datuk Mohamaddin bin Ketapi, barisan menteri kabinet dan kerabat-kerabat diraja serta Pengarah Muzium-Muzium Negeri seluruh Malaysia.



Pameran yang berkonsepkan moden dan interaktif ini yang mengandungi dua belas segmen mempamerkan lebih 150 buah koleksi yang terdiri daripada koleksi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, alat-alat kebesaran diraja Persekutuan dan negeri Pahang, koleksi dari Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jabatan Arkib Negara serta Dewan Bahasa dan Pustaka.



Pameran ini merupakan satu usaha kerajaan melalui Jabatan Muzium Malaysia untuk mengetengahkan dan mengangkat Institusi Yang di-Pertuan Agong dan konsep Raja Berperlembagaan dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini, disamping memperlihatkan sisi peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berdua.





SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA

PERINGKAT KEBANGSAAN 2019 KOTA KINABALU, SABAH

Oleh : Juliyana binti Othman, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Penganjuran Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 merupakan penganjuran kali ketiga bagi Negeri Sabah setelah menjadi tuan rumah kepada perhimpunan besar warga muzium seluruh negara pada tahun 2001 dan 2010. 'Museums as Cultural Hubs: The Future of Tradition' atau 'Muzium sebagai hab kebudayaan: Kelangsungan tradisi', merupakan tema sambutan yang telah ditetapkan oleh International Council Of Museums (ICOM) bagi tahun 2019. Warga muzium seluruh Malaysia harus menghayati pengertian tema kali ini kerana seperti yang sedia maklum bahawa muzium umpama gedung penyimpanan kenangan serta keunikan budaya hasil kreativiti yang mencerminkan arus perubahan serta memainkan peranan penting dalam melahirkan masyarakat yang bertamadun selain memupuk jati diri selari dengan arus pembangunan agar pembudayaan kreativiti serta inovasi dapat dipertingkatkan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa dapat mewujudkan jaringan kerjasama yang lebih erat di kalangan warga muzium seluruh Malaysia dalam suasana muhibah dan harmoni serta dapat mencetus idea serta memberi

galakan kepada warga muzium untuk bertukar fikiran dan pengalaman bagi mendepani cabaran baru seiring dengan perubahan globalisasi.

Bagi meraikan seluruh warga muzium seluruh Malaysia, majlis perasmian Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan pada 15 Julai 2019 oleh YB Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dengan diiringi YB Datuk Christina Liew, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, YB Tuan Assaffal P. Alian, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, YBhg. Encik William Baya, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 serta Encik Arif bin Abd Hamid, Pengarah Jabatan Muzium Negeri Sabah selaku tuan rumah.

Pelbagai program telah diatur bagi memeriahkan sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 antaranya pameran, karnival, seminar, Bengkel Tarian Sumazau dan Muzik, Muzium Idol, Bicara Santai, Program Komuniti bersama Masyarakat di Kg. Benoni, Papar, sukan tradisional, Muziumton, Sabah



Majlis Perasmian

SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

Oleh:
YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK MOHAMADDIN
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MA

PERKARANGAN KOMPLEKS MUZIUM SABAH
15 JULAI 2019 (ISNIN) 8.30 PAGI

Muzium Sabah
Hari Muzium Antarabangsa 2019 - Sabah



PROGRAM UTAMA

Museum Heritage Treasure Hunt serta pakej-pakej lawatan ke pusat peranginan sekitar Sabah. Manakala bagi acara sukan yang dipertandingkan pula ialah menyempit, badminton, ping pong, sepak raga bulatan, sepak takraw, batu seremban, congkak, karom, dart, futsal dan boling bagi kakitangan muzium.

Acara Muziumton yang bermula dari Stadium Likas sehingga ke Muzium Sabah dibuka kepada pelbagai kategori telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari warga Sabah. Begitu juga dengan Sabah Museum Heritage Treasure Hunt yang diadakan di sekitar Kota Kinabalu turut mendapat sambutan hangat dari pelbagai golongan. Hadiah yang ditawarkan begitu lumayan telah menarik orang ramai untuk menyertainya. Pelbagai hadiah dan hamper turut disediakan kepada pengunjung bertuah yang berkunjung ke Karnival Hari Muzium Antarabangsa 2019 yang diadakan di perkarangan Muzium Negeri Sabah.

Melalui Sambutan Hari Muzium Antarabangsa ini telah memperlihatkan kesepakatan dan kesepaduan antara semua muzium seluruh Malaysia tidak kira di bawah pentadbiran kerajaan persekutuan, negeri, institusi atau jabatan telah menarik minat Muzium Kalimantan, Indonesia untuk turut serta buat kali ke dua memeriahkan karnival dan pameran yang berlangsung di Muzium Sabah.

Setiap yang bermula pasti akan berakhir, begitu juga Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 telah melabuhkan tirainya pada 20 Julai di Hilton Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Majlis penutupan telah dirasmikan oleh YB. Datuk Christina Liew, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah. Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan dari Negeri Pulau Pinang yang akan menjadi tuan rumah 2020, semoga berjumpa lagi di Pulau Mutiara pada tahun hadapan.



SEMINAR MUZIUM SEBAGAI HAB KEBUDAYAAN: KELANGSUNGAN TRADISI

Oleh: Mokhtar bin Tamby Ahmad, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Seminar Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2019 yang bertemakan “Muzium Sebagai Hub Kebudayaan: Kelangsungan Tradisi” berjaya dilaksanakan di Auditorium, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Sabah, Kota Kinabalu pada 15 Julai 2019. Seminar pada kali ini menjemput dua pembentang iaitu YBhg. Prof. Dato’ Seri Dr. Md. Salleh Yaapar, Universiti Sains Malaysia dan Cik Patricia Regis, Mantan Pengarah Jabatan Muzium Sabah. Manakala moderator jemputan ialah Tuan Haji Saat bin Haji Awang Damit dari Universiti Malaysia Sabah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.



Pembentangan dimulakan oleh YBhg. Prof. Dato’ Seri Dr. Md. Salleh Yaapar dengan tajuk “Muzium dan Memorial sebagai penggerak kelestarian tradisi” semasa sesi pembentangannya, beliau menerangkan tentang kepentingan muzium sebagai satu institusi yang berfungsi sebagai pusat konservasi negara, iaitu merakam dan menyimpan artifak warisan peradaban, bahan sains dan teknologi serta rekod pencapaian sesebuah bangsa atau negara. Selain itu, muzium juga mempunyai fungsi pendidikan dimana ia amat berguna untuk keperluan kajian para sarjana dan penyelidik bebas. Pada masa yang sama, ia juga penting untuk perluasan ilmu pengetahuan dan pendidikan masyarakat secara umumnya.

Pembentang kedua iaitu Cik Patricia Regis yang membentangkan tajuk “The Museum as a Cultural Hubs for continuity of traditions: Some issues and challenges in a changing world”. Antara isi kandung pembentangan beliau ialah muzium perlu seiring dengan zaman revolusi perindustrian keempat (I.R 4.0). Muzium perlu mengikut daya saing dan teknologi baru seperti teknologi digital cloud, media sosial, ruang maya, telefon mudah alih dan internet (IoT) serta big data bagi memenuhi kehendak pengunjung pada masa kini. Seminar selesai pada jam 5.00 petang dan diakhiri dengan penyampaian cenderamata yang di sampaikan oleh YBrs. Cik Saraya binti Arbi. Seramai 583 peserta mengikuti seminar ini yang terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan negeri, pelajar IPTA, warga muzium dan Majlis Gabungan Etnik Sabah.



PROGRAM PENCAMBAHAN MINDA "BENGGEL MEMBUAT KOTAK DAN SOKONGAN ARTIFAK"

Oleh : Nor Aini binti Hassan, Muzium Perak



Peserta kursus bersama urusetia program



Peserta kursus bersama Pengarah Muzium Perak



Peserta diberikan penerangan mengenai kotak simpanan dan sokongan artifak



Proses pengecaman dan cara mengambil ukuran artifak



Proses membuat lakaran pada kotak



Proses memotong kepingan kotak



Proses membentuk kotak



Proses meletakkan gam



Kotak yang telah siap



Proses mengambil ukuran foam

Pada 9 Mei 2019, Muzium Perak telah mengadakan aktiviti pencambahan minda "Bengkel membuat kotak dan sokongan artifak" bertempat di Makmal Konservasi, Muzium Perak. Pengurusan koleksi merupakan wadah yang sangat penting dalam pengurusan sesebuah muzium dan ia mampu memberikan identiti dan populariti kepada kewujudan muzium. Muzium Perak merupakan antara muzium yang terawal di Asia Tenggara dan sudah semestinya ia menyimpan koleksi khazanah negara yang sangat berharga.

Tujuan program ini diadakan untuk memupuk rasa tanggungjawab bagi memelihara artifak dan meningkatkan kemahiran setiap kakitangan merangkumi kakitangan yang bertugas di bahagian pentadbiran serta di galeri. Tenaga pengajar untuk bengkel ini terdiri daripada kakitangan Muzium Perak iaitu Encik Mohd Nazir bin Hussin dan Encik Barhaman Zaktom bin Ahmad. Kemahiran tersebut diperolehi daripada program Pementoran "Coaching" yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Konservasi Jabatan Muzium Malaysia di mana melalui program ini mereka diberikan kursus secara berkala.

Seramai 8 orang kakitangan daripada Muzium Perak dan Muzium Matang telah menyertai bengkel ini. Setiap peserta berpeluang merasai pengalaman untuk menghasilkan kotak tersebut dan tenaga pengajar juga berpeluang berkongsi kemahiran disamping dapat meningkatkan keyakinan diri. Peserta diberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai cara-cara pengecaman artifak, cara mengambil ukuran dan membuat lakaran pada kotak, proses memotong dan membentuk kotak, cara mengambil ukuran foam bagi menyokong kedudukan artifak dan kaedah melabelkan artifak pada kotak. Antara peralatan yang diperlukan sepanjang bengkel dijalankan seperti Corrugated Box, Bone Folder, Polyethylene foam, Mylar, Hot Glue Gun, NT Cutter dan sebagainya. Bengkel ini telah berjalan dengan jayanya dan ia bukan sahaja mampu merealisasikan hasrat jabatan bagi melengkapkan setiap kakitangan dengan kemahiran dalam bidang permuziuman ia juga mampu memupuk semangat kerjasama secara berpasukan untuk memelihara artifak selaras dengan fungsi muzium iaitu memartabatkan khazanah warisan negara.



PROGRAM OUTREACH

“MUZIUMKU SEKOLAHKU”

Di Sekolah Kebangsaan Membedai WP Labuan

Oleh : Zainon Halon, Muzium Chimney

Muzium dan sekolah boleh diandaikan bagai aur dengan tebing yang saling melengkapi di antara satu sama lain. Melalui hubungan erat dua hala ini secara tidak langsung dapat mengangkat seterusnya memartabatkan peranan muzium dalam menyediakan platform yang membantu keberkesanan sistem pembelajaran di sekolah. Sehubungan itu, Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan telah mengambil langkah proaktif mengadakan program-program outreach ke sekolah-sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengintegrasikan muzium kepada guru-guru dan murid-murid sekolah daripada pelbagai latar sosiobudaya.

Pada 02 Mei 2019, melalui gabungan ketiga-tiga buah muzium iaitu Muzium Chimney, Muzium Labuan dan Muzium Marin Labuan telah mengadakan Program Outreach di Sekolah Kebangsaan Membedai yang bertemakan “Muziumku Sekolahku”. Penganjuran program ini telah diterima baik dan mendapat kerjasama padu daripada Kelab Sejarah sekolah. Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan dengan penerapan beberapa modul Program IPIM bertujuan memberi pendedahan serta pengalaman berkenaan fungsi muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan antaranya pameran, Permainan Cabaran Eksplorasi Muzium dan Sejarah “Jom Syoknya Belajar Sejarah”, Warna Warni Hidupan Marin, Question Hunt, Demo Konservasi Artifak Logam dan Kuiz Sejarah Labuan. Program telah bermula pada jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengahari. Majlis penutupan program telah disempurnakan oleh Encik Muhammad Nazli Ho bin Abdullah, Penolong Kurator Kanan Muzium Labuan selaku Pemangku Pengarah Muzium Labuan dan Puan Hajah

Mariati binti Haji Said, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Membedai.

Program setengah hari yang telah dianjurkan ini secara keseluruhannya dilihat sedikit sebanyak berjaya menarik minat para guru dan murid-murid bagi mendekati pihak muzium melalui pelbagai aktiviti pengisian yang telah dijalankan. Selain itu program ini dapat menjadi landasan terbaik ke arah mewujudkan hubungan rapat di antara muzium, murid dan sekolah untuk mengenali dengan lebih mendalam tentang sejarah dengan melihat serta memahami apa yang dipamerkan di muzium. Pihak Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan berharap kerjasama ini akan dapat dikekalkan kerana penglibatan serentak muzium, murid dan guru boleh meningkatkan minat murid untuk meneroka pengetahuan baharu melalui interaksi secara langsung dengan bahan pameran mahupun aktiviti yang telah disediakan.



Aktiviti Permainan Eksplorasi Muzium dan Sejarah menerapkan konsep bermain sambil belajar sejarah bagi murid-murid darjah empat



Aktiviti Demo Konservasi Artifak Logam



Aktiviti menjawab kuiz sejarah Labuan



Aktiviti Question Hunt murid darjah tiga yang memberi peluang mengenali bahan pameran di muzium melalui permainan



Aktiviti mewarna tahap satu



Penyampaian cenderamata penghargaan kepada pihak sekolah



Peraduan MeWarna

Sempena Hari Muzium Antarabangsa 2019

Oleh : Nor Aini binti Hassan, Muzium Perak



Sempena Hari Muzium Antarabangsa pada 18 Mei 2019, Muzium Perak telah menjalankan aktiviti “Peraduan MeWarna” bertempat di Galeri A, Muzium Perak dengan bertemakan “Muzium Sebagai Hab Kebudayaan Tradisi”. Tujuan aktiviti tersebut diadakan sebagai tanda sokongan dan untuk meraikan Hari Muzium Antarabangsa yang menjadi acara tahunan muzium-muzium dibawah International Council of Museums (ICOM).

Peraduan mewarna ini terbuka kepada para pelajar yang berusia 9 hingga 11 tahun. Seramai 30 orang peserta telah menyertai aktiviti ini yang melibatkan tiga buah sekolah di sekitar Taiping iaitu Sekolah Kebangsaan (P) Treacher Methodist, Sekolah Kebangsaan Sultan Yussuf dan Sekolah Kebangsaan Klian Pauh. Guru pengiring dan ibu bapa juga turut hadir bagi memeriahkan program serta memberikan sokongan kepada peserta. Peserta diberikan kertas lukisan untuk diwarnakan mengikut kreativiti masing-masing dan perlu disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Bagi merangsang pembentukan pemikiran kreatif peserta dibenarkan menggunakan jenis pensil warna yang dikehendaki dan bersesuaian seperti jenis pensil warna crayon. Penggunaan warna air tidak dibenarkan dan penyertaan boleh dibatalkan jika tidak mengikut syarat yang telah ditetapkan.

Tiga orang juri telah dipilih untuk mengadili hasil lukisan tersebut. Pemilihan pemenang dan permorkahan dinilai berdasarkan kepada kekemasan, ton warna, latar belakang dan kreativiti peserta. Hadiah pemenang bagi tempat pertama hingga tempat ketiga dan lima hadiah pemenang suguhati disediakan oleh pihak Muzium Perak. Program bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan majlis diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah oleh Pengarah, Muzium Perak kepada semua pemenang. Program ini berjalan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan seramai 555 orang pelawat telah berkunjung ke Muzium Perak. Program ini juga bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan antara institusi permuziuman dengan pihak sekolah dan juga komuniti setempat malah dapat memupuk minat pelajar untuk mengenali serta mencintai sejarah budaya bangsa.



World Oceans Day 2019 *Gender and the Oceans*

Oleh : Muhamad Nazli Ho bin Abdullah, Muzium Labuan

PROGRAM PERMUZIAMAN



Sesi foto kenangan semua peserta Program World Oceans Day 2019



Ucapan Perasmian Penutupan Program World Oceans Day 2019 disempurnakan oleh Encik Mohd. Firdaus bin Zakaria, Pengarah MoTAC Negeri WP Labuan

Program World Oceans Day 2019 atau Hari Laut Sedunia telah dianjurkan oleh Muzium Marin Labuan pada 29 Jun 2019 di Pantai COBSEA Kampung Sungai Labu, W. P. Labuan. Program ini sebagai usaha bagi menyokong aktiviti kempen kesedaran yang disambut secara serentak diseluruh dunia pada setiap 8 Jun untuk melindungi lautan daripada pencemaran. Pantai COBSEA dipilih menjadi lokasi program ini untuk mengukuhkan promosi pantai ini yang telah memenangi Anugerah Pantai Bersih pada tahun 2008 dari United Nations Educational Scientific Cultural Organization (UNESCO). Tema World Oceans Day 2019 selari dengan tema sambutan UNESCO iaitu Gender and the Oceans.

Pengisian utama program ini ialah aktiviti gotong-royong membersihkan Pantai COBSEA yang bermula dari Kampung Sungai Labu hingga ke Taman Damai Kampung Layang-Layangan, sepanjang 2 km yang bertujuan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk memelihara pantai Labuan daripada pencemaran pelbagai bahan buangan dan sampah sarap. Hasil dari program ini, peserta telah berjaya mengumpul kutipan bahan kitar semula sebanyak 340.76kg yang terdiri daripada plastik, kaca, aluminium dan lain-lain. Sesi ceramah yang bertajuk "Plastik dan Anda" telah disampaikan oleh Encik M. Firdaus bin Abu Bakar dari *Innovation & Technology Department (PETRONAS Chemicals Group Berhad)* dan ceramah kedua bertajuk "Laut Bukan Tong Sampah Kita" disampaikan oleh Puan Monica Chin, Pengarah Pendidikan Konservasi Marin Dan Alam Sekitar (ARDECC). Tujuan sesi ceramah diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk sama-sama

bertanggungjawab mengurangkan penggunaan plastik dan bahan-bahan buangan lain untuk kesejahteraan laut. Aktiviti sampingan lain yang turut diadakan ialah pertandingan mewarna kanak-kanak tadika dimana pertandingan ini mampu mendidik kanak-kanak untuk mencintai dan menghargai keindahan lautan. Seramai 20 orang kanak-kanak tadika telah menyertai pertandingan ini turut menerima hadiah daripada penaja utama iaitu PETRONAS Chemicals Methanol Sdn. Bhd. Manakala pameran mengenai Kesan Kepentingan Amalan Kitar Semula pula telah dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar W. P. Labuan untuk mendidik masyarakat mengaplikasikan penjagaan alam sekitar secara berhemah. Selain itu, maklumat tentang Hidupan Marin Terancam juga dipamerkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia, W. P. Labuan bagi menggalakkan masyarakat menjaga ekosistem laut. PETRONAS selaku penaja utama juga tidak ketinggalan memeriahkan pameran dengan mengetengahkan maklumat tentang kepentingan amalan sistem 3R (Reduce, Reuse, Recycle) kepada masyarakat.



Ceramah bertajuk Laut Bukan Tong Sampah Kita disampaikan oleh Puan Monica Chin dari Ara Dinawan Research Education Conservation Centre (ADRECC)



Menimbang berat bahan kitar semula mengikut kategori iaitu plastik, kaca, aluminium dan lain-lain



Pameran daripada jabatan/agensi yang terlibat menayakan Program World Oceans Day 2019



Ceramah bertajuk Plastik Dan Anda disampaikan oleh Encik M. Firdaus bin Abu Bakar dari PETRONAS Chemicals Group Berhad



Pertandingan mewarna kanak-kanak tadika



PEMASANGAN PLAK WARISAN KEBANGSAAN DI MUZIUM NEGARA

Oleh: Zuniwati binti Ab. Rahman @ Bidin, Muzium Negara

Pada 27 Jun 2019 yang lalu, pemasangan plak Warisan Kebangsaan telah dilaksanakan di hadapan pintu masuk utama Muzium Negara. Pemasangan plak tersebut adalah ekoran pengisytiharan Muzium Negara sebagai Warisan Kebangsaan pada 11 Ogos 2015 oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan pada masa itu iaitu YB Datuk Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz semasa Majlis Pengisytiharan Warisan Kebangsaan di Auditorium Jabatan Muzium Malaysia. Plak Warisan Kebangsaan ini merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh Jabatan Warisan Negara kepada bangunan-bangunan warisan atau monumen warisan yang telah diisytihar sebagai Warisan Kebangsaan dan plak tersebut ditandatangani oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Sebelum pengisytiharan Warisan Kebangsaan diumumkan, Muzium Negara telah diangkat sebagai Warisan pada 4 April 1996 dengan no. warta P.U. (A) 152. Ia merupakan satu pengiktirafan yang diberikan oleh Jabatan Warisan Negara kepada bangunan-bangunan atau monumen yang telah diangkat menjadi Warisan dan plak tersebut ditandatangani oleh Pesuruhjaya Warisan. Menurut Akta Warisan Negara pada seksyen 67 (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air yang disenaraikan dalam Daftar atau mana-mana orang yang hidup sebagai suatu Warisan Kebangsaan.



Plak Warisan Kebangsaan dan plak Warisan


Kriteria yang melayakkan untuk mendapat pengisytiharan ini akan dirujuk pada mana-mana perkara yang dinyatakan pada seksyen 67 (2) Akta 645 seperti berikut:

- (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) ciri-ciri reka bentuk atau estetika;
- (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;
- (d) hubungan sosial atau kebudayaan;
- (e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (f) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (g) jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (h) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.

Lokasi pemasangan plak Warisan Kebangsaan ini telah mendapat persetujuan daripada Encik Mohd. Azmi bin Mohd. Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah JMM (Permuziuman), iaitu di hadapan pintu masuk Muzium Negara. Plak tersebut telah dipasang bersebelahan dengan plak Warisan. Sepanjang proses pemasangan plak Warisan Kebangsaan, pemantauan telah dibuat sepenuhnya oleh pegawai Jabatan Warisan Negara dan pegawai Muzium Negara sehingga kerja-kerja pemasangan plak tersebut selesai.

Pada masa ini, status Muzium Negara masih dalam proses pewartaan dan apabila selesai proses pewartaan, Muzium Negara akan disenarai masuk ke dalam "Daftar" iaitu Daftar Warisan Kebangsaan yang diwujudkan dan disenggarakan di bawah seksyen 23 yang mengandungi suatu senarai butiran warisan.

Oleh yang demikian, dengan berkuatkuasanya pewartaan ini maka pelan pengurusan pemuliharaan bangunan Muzium Negara telah diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara yang berperanan untuk memastikan prinsip konservasi yang meliputi kerja-kerja membaikpulih, pembinaan semula, pemulihan, penyesuaigunaan dan pendekatan konservasi lain-lain dilaksanakan berlandaskan kaedah yang diiktiraf dan memastikan ia selaras dengan kehendak Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).



Lawatan

Ke Unit Pengawetan Manuskrip Melayu, PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Oleh : Hamidah binti Mohd Tahir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

Buat pertama kalinya Bahagian Pengurusan Konservasi telah berjaya menyelaras satu sesi lawatan kerja ke Perpustakaan Negara Malaysia pada 9 Julai 2019 dimana objektif utama lawatan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan Manuskrip Melayu serta teknik pemuliharaan dan pemeliharaan yang diaplikasikan terhadap koleksi di sana. Bagi melengkapkan lagi sesi lawatan tersebut, Bahagian Pengurusan Koleksi dan Muzium Negara telah dijemput untuk turut serta dalam lawatan yang telah diketuai oleh Cik Sitti Rabia binti Abdul Rahman selaku Timbalan Pengarah Muzium Negara.

Penerangan berkaitan fungsi dan tugas Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM) telah disampaikan sendiri oleh Timbalan Pengarah Kanan PKMM iaitu Encik Faizal Hilmie bin Yusof. Beliau menyatakan sehingga kini terdapat 4,964 naskhah karya yang bertulis tangan terutama dalam tulisan jawi yang dihasilkan dalam lingkungan awal kurun ke-16 sehingga awal kurun ke-20 dalam bahasa rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu telah tersimpan rapi di PKMM bersesuaian dengan peranannya sebagai lokasi utama bagi penyimpanan manuskrip-manuskrip Melayu.

Menurut beliau lagi, ilmu yang terakam dalam manuskrip Melayu merangkumi pelbagai bidang seperti kesusasteraan, sejarah, kitab agama, perubatan, undang-undang, ketatanegaraan serta azimat dan petua serta sebahagiannya merupakan asimilasi budaya yang boleh disesuaikan dengan Islam. Selain itu, manuskrip dalam simpanan PKMM juga sering digunakan oleh penyelidik untuk mengkaji berkaitan intipati yang terkandung di dalamnya bahkan dari sudut jenis kertas yang digunakan juga turut diteliti dan diamati.

Sesi lawatan diteruskan pula ke Bahagian Pemuliharaan yang bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja pemuliharaan koleksi perpustakaan menerusi kaedah pengawetan, penjilidan dan pembaikan bagi memastikan warisan intelek Negara terpelihara secara terancang sebagai rujukan masa kini dan akan datang. Bagi melaksanakan

tugas yang digalas, bahagian ini telah dibahagikan kepada beberapa unit khas iaitu Unit Jilidan, Unit Pengawetan Bahan Nadir dan Unit Pengawetan Manuskrip Melayu.

Terdapat dua teknik pemuliharaan manuskrip Melayu yang dilaksanakan disini iaitu :

• Teknik Pembaikan Tisu

Kebanyakan manuskrip yang dibaik pulih menggunakan teknik ini berada dalam keadaan reput dan rapuh kertasnya serta mempunyai tulisan dakwat kembang. Bahan yang sesuai digunakan adalah kertas *Japanese Kozo Tisu*, *Machine Made Roll Tissues* dan bahan perekat *Carboxymethylcellulose (CMC)*.

• Teknik Pembaikan Leafcasting

Proses pembaikan manuskrip ini adalah dengan menggunakan kertas *Bodlien Hand Made* yang dijadikan sebagai serat bagi tujuan untuk menutupi lubang-lubang pada bahan. Kebiasaannya manuskrip yang menggunakan teknik ini terdiri daripada manuskrip yang masih kuat ketahanan kertasnya serta dakwat tulisannya tidak mudah kembang atau luntur.

Bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan sewaktu proses menjilid, pemuliharaan perlu memastikan proses penomboran dengan menggunakan pensil perlu dilakukan di setiap helaian manuskrip kerana kebiasaannya manuskrip tidak mempunyai nombor mukasurat. Apabila selesai barulah diteruskan dengan proses pemuliharaan yang lain mengikut kesesuaian dan tahap kondisi manuskrip itu sendiri.

Kesimpulannya, Perpustakaan Negara Malaysia merupakan institusi yang telah menjadi pusat penyimpanan bahan sejarah dan kebudayaan serta pustaka yang menyimpan, mendokumentasi dan memelihara pencapaian intelek yang telah diterjemah dalam bentuk cetak dan bukan bercetak. Secara keseluruhannya, lawatan ini sedikit sebanyak telah memberikan input baharu dalam memahami kerja dan tugas bagi pemuliharaan manuskrip.



HARI SENI PRASEKOLAH 2019

HARI: RABU
TARIKH: 10.7.2019



PROGRAM PERMUZIUMAN

Program Out-Reach Sempena Hari Seni Pra-Sekolah Sk Bangsar, Jalan Pantai Baharu

Oleh : Azila binti Rohani@Rosani, Muzium Tekstil Negara

Program Out-reach di Sekolah Kebangsaan Bangsar, bersempena Hari Seni Prasekolah telah diadakan sejak tahun 2018. Tahun ini adalah merupakan tahun kedua Muzium Tekstil Negara dijemput untuk menjadi fasilitator dan program ini telah diadakan pada 10 Julai 2019. Antara aktiviti yang disediakan oleh pihak MTN adalah aktiviti mewarna batik bersama anak-anak prasekolah manakala guru pula berpeluang untuk mencanting dan mewarna batik. Seramai 5 orang kakitangan MTN telah terlibat semasa program ini berlangsung iaitu Puan Azila, Encik Habibur Rahman, Encik Abdur Rahim, Puan Nor Salawati dan pelajar praktikal Encik Adli. Seramai 51 orang pelajar prasekolah dan 9 orang guru terlibat dalam program ini. Aktiviti bermula pada jam 9.00 pagi dan selesai pada jam 12.00 tengahari.

Perlaksanaan aktiviti ini adalah untuk memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar bagi mempelajari dan merasai pengalaman mewarna batik menggunakan warna yang asli khas untuk batik disamping menguji kreativiti mereka. Manakala guru pula berpeluang untuk merasai pengalaman bagaimana mencanting batik. Selain itu, melalui program ini juga satu mekanisme penyebaran ilmu pengetahuan kepada generasi muda dapat ditingkatkan dan menyuntik kesedaran semangat cintakan tekstil warisan etnik-etnik di Malaysia. Program ini juga mampu menyemarakkan fungsi dan peranan muzium sebagai gedung ilmu yang sentiasa menjadi rujukan masyarakat khususnya dari aspek sejarah dan budaya Negara dan mengangkat martabat seni mewarna batik sebagai warisan khazanah bangsa dan negara yang akan kekal zaman-berzaman.





Program Ibadah Qurban dan Aqiqah 1440H



Pesta Balik Pulau



Majlis Raya MRTM di MDR



Pameran Antarabangsa Alharamain



Cabaran institusi beraja di Malaysia dari dulu hingga kini



PAMERAN SEMPENA PROGRAM KARNIVAL LENGGONG 2019

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak Taiping



Staf Muzium Perak sedang membuat demonstrasi teknik pembuatan peracuan kepada pengunjung yang melawat ke tapak pameran



Sesi lawatan ke tapak pameran Muzium Perak oleh VIP



Kanak-kanak sedang mencuba aktiviti 'hands on' kalung kulit siput.



Pegawai Muzium Perak Taiping sedang memberi penerangan tentang konsep Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium (IPIM)



Aktiviti permainan 'Puzzle' yang disertai oleh kanak-kanak.

Program Karnival Lenggong 2019 merupakan satu program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya ialah Kerajaan Negeri Perak, agensi-agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Pihak Berkuasa Tempatan. Program Karnival Lenggong 2019 ini telah berlangsung dengan jayanya pada 12 dan 13 Julai 2019 bertempat di Dataran Lenggong, Perak. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Saraya binti Arbi iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), MOTAC yang mewakili YB Menteri. Program ini turut dihadiri oleh Y.B. Encik Abdul Yunus Bin Jamahri iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan yang mewakili YB Menteri Besar Negeri Perak, YBrs. Encik Mohamad Muda bin Bahadin, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara dan YBrs. Encik Mohamad Shawali Bin Hj. Badi, Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Dasar, Jabatan Muzium Malaysia. Program ini diadakan bersempena sambutan ulang tahun pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan UNESCO pada 30 Jun 2012.

Muzium Perak, Taiping telah memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan Program Karnival Lenggong 2019 dengan mengadakan pameran bagi tujuan mempromosikan Muzium Perak dan Program IPIM. Program IPIM atau Inspirasi Pelajar Inovasi Muzium merupakan platform baharu yang sedang diusahakan oleh Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bagi memperkasakan subjek sejarah dan peranan Muzium dalam sistem pendidikan negara. Antara pengisian yang telah diadakan dalam pameran adalah demonstrasi peracuan, permainan 'puzzle', kuiz dan 'hands on' pembuatan kalung daripada kulit siput. Demonstrasi peracuan dibuat dalam tiga bentuk acuan yang berkonsepkan penemuan artifak di tapak arkeologi Lenggong iaitu kapak, lembing dan 'Perak Man'. Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung dewasa dan kanak-kanak.

Melalui program ini Muzium Perak telah berjaya meluaskan ilmu permuzeumian dan mendapat respon yang positif daripada pengunjung. Secara tidak langsung program ini telah mempromosi Muzium Perak, Taiping sebagai salah satu destinasi wajib yang perlu dilawati oleh para pengunjung.

Out-Reach Program “Kenali Muzium” SMK Dato’ Abu Bakar Baginda, Bangi

Oleh : Abdur Rahim bin Mazuki, Muzium Tekstil Negara

Program kenali muzium telah berjaya dilaksanakan di SMK Dato’ Abu Bakar Baginda pada 23 Julai 2019 dengan kerjasama di antara Muzium Automobil Nasional (MAN) dengan Muzium Tekstil Negara (MTN). Program ini telah berjaya menarik seramai 550 pelajar dan guru. Seramai 5 orang pegawai dan staff dari Muzium Tekstil Negara telah ditugaskan untuk turut sama terlibat dengan program yang telah dirancang. Tujuan program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pelajar dalam memahami proses tradisional mewarna batik dan demonstrasi pemakaian batik sarung. Demonstrasi ini diadakan untuk memastikan hasrat membudayakan semula pemakaian batik sarung dikalangan generasi muda yang makin dilupakan.

Antara pengisian program yang telah dijalankan oleh pihak MTN ialah Pameran Mini Batik Blok. Pameran ini berkaitan dengan proses awal dalam penggunaan bahan-bahan tertentu untuk menghasilkan motif kain batik dengan menggunakan blok. Seterusnya, turut diadakan demonstrasi mewarna batik blok dimana demonstrasi mewarna ini turut melibatkan penyertaan pelajar dan guru dalam mewarna motif-motif batik. Selain itu, MTN juga turut mengadakan demonstrasi dan falsafah pemakaian batik sarung. Demonstrasi dan falsafah berkaitan pemakaian batik sarung telah diajar kepada pelajar kemudian pelajar diminta supaya bersama-sama memakai kain batik mengikut kaedah yang betul.

Berdasarkan penerangan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh staff MTN, penglibatan guru-guru dan pelajar-pelajar dalam semua aktiviti dapat dijalankan dengan jayanya. Kesimpulannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam memperkenalkan muzium kepada warga SMK Dato’ Abu Bakar Baginda.



SEMARAK EKPLORASI : ARKEOLOGI KOTA KAYANG

Oleh: Mohammad Zaidi bin Haron, Muzium Kota Kayang

Muzium Kota Kayang dengan kerjasama Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Perlis telah menganjurkan program Ekplorasi Sejarah : "Arkeologi Kota Kayang" pada 24 Julai 2019. Program ini diadakan bagi mengimbuai kembali kerja-kerja ekskavasi di atas tapak Muzium Kota Kayang sebelum penubuhan bangunan galeri Muzium Kota Kayang pada tahun 1998. Ini kerana sejarah lisan mengatakan tapak Muzium Kota Kayang merupakan bekas kota pusat pentadbiran kerajaan Kesultanan Melayu Kedah pada abad ke-15.

Program ini dihadiri seramai 88 peserta dan 5 orang guru pengiring dari 2 buah sekolah menengah iaitu SMA Islahiyah dan SMK Syed Alwi Kangar Perlis. Program bermula dengan pendaftaran peserta pada jam 8.30 pagi dan diteruskan dengan ceramah bertajuk "Sejarah Yang Dilupakan" yang disampaikan oleh penceramah dari

Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Perlis. Program diteruskan dengan lawatan ke galeri pameran bagi melihat dan mempelajari sejarah negeri Perlis khususnya sejarah ekskavasi arkeologi yang pernah dilakukan di atas tapak Muzium Kota Kayang pada tahun 1998. Selesai lawatan ke galeri pameran, peserta dibawa melawat tapak ekskavasi di sekitar muzium, gua, Perigi Diraja dan Makam Al-Marhum Kayang 1. Peserta juga ditunjukkan cara membuat tinjauan di atas tapak sebelum kerja-kerja ekskavasi dimulakan.

Acara terakhir program ini ialah sesi uji minda dimana peserta akan diuji dengan soalan-soalan berbentuk kuiz bagi melihat kefahaman peserta mengenai sejarah berkenaan arkeologi Kota Kayang. Program ini diharap dapat diteruskan pada masa depan dengan membawa beberapa tokoh yang pernah 'bergelumbang' dengan tanah selut bagi mencari bukti peninggalan sejarah di kota tersebut.





Program Syoknya Muzium Dan Sejarah

Oleh : Zainon Halon, Muzium Chimney

Mutakhir ini, bagi memberi lebih kefahaman terhadap sejarah khususnya kepada golongan muda, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan antaranya dengan memperkenalkan mata pelajaran sejarah bermula lebih awal di peringkat sekolah rendah lagi dan menjadikannya mata pelajaran wajib lulus bagi para pelajar di sekolah menengah. Walau bagaimanapun masih terdapat cabaran dan kekangan yang dihadapi apabila seringkali ditimbulkan isu mengenai subjek sejarah yang dianggap oleh para pelajar sebagai sesuatu yang membosankan dan kurang diminati oleh mereka. Antara faktor-faktor yang dibangkitkan oleh pelajar ialah mereka sukar untuk memahami dan mengingati fakta yang banyak, buku teks yang tidak menarik, tidak mengetahui kepentingan belajar sejarah dan kaedah pembelajaran yang kurang menarik minat pelajar.

Sehubungan itu, Muzium Chimney telah mengambil inisiatif menganjurkan Program "Syoknya Muzium Dan Sejarah" pada 27 Julai 2019 yang lalu sebagai salah satu usaha mengangkat aspek pembelajaran sejarah iaitu sebagai satu mata pelajaran yang menyeronokkan dan diminati oleh pelajar. Seterusnya menyebarkan dan memartabatkan peranan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal berkenaan sejarah dan warisan khazanah negara khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini juga merupakan program rintis yang mengaplikasikan sepenuhnya modul Program Inspirasi Pelajar, Inovasi Muzium (IPIM) melibatkan ketiga-tiga buah muzium di Wilayah Labuan. Sebanyak 5 buah sekolah rendah terpilih di sekitar Wilayah Persekutuan Labuan telah menyertai dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 60 orang murid tahun 4 dan 9 orang guru panitia sejarah. Antara modul-modul pengisian program ialah Kenali Sejarah, Kembali Ke Alam Pra-Sejarah dan Jelajah Kerajaan-Kerajaan Melayu Awal yang bertunjangkan kepada sukatan pelajaran sejarah tahun 4 dan sejarah tempatan. Pelaksanaan modul-modul tersebut telah dijalankan secara santai merangkumi aktiviti kembara ke muzium-muzium dengan pelbagai kaedah pendekatan belajar sejarah yang lebih menyeronokkan. Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada murid malah secara tidak langsung mewujudkan jalinan kerjasama erat serta perkongsian idea pengajaran bersama guru-guru yang terlibat di sepanjang program ini berlangsung. Di akhir program, rata-rata para guru mahupun



Peserta menonton tayangan video Kerajaan-kerajaan Melayu Awal



Aktiviti merentas samudera

peserta yang ditemubual menyatakan program ini merupakan sebuah program yang amat baik dengan pelbagai kaedah pendekatan belajar sejarah yang mampu menarik minat murid melalui pelbagai aktiviti berkonsepkan bermain sambil belajar. Mereka berharap program ini akan dapat diteruskan oleh pihak muzium pada masa akan datang. Program telah bermula dan berakhir di Muzium Chimney.

Penganjuran program pendidikan "Syoknya Muzium Dan Sejarah" dan yang seumpamanya diharap dapat menjadi signature muzium dalam pendidikan sejarah sekaligus memberi impak yang lebih positif dan menjadi perintis ke arah lebih banyak program usahasama muzium bersama Jabatan Pendidikan dan sekolah-sekolah ke arah menegenahkan subjek sejarah sebagai mata pelajaran yang sangat penting bukan sahaja wajib lulus, memupuk minat, membantu memberi kefahaman sejarah tetapi dapat membentuk kekuatan jati diri dan semangat cintakan negara yang tinggi.



BICARA @ MUZIUM : SEMANGAT LILIN EVOLUSI BATIK RUZZGAHARA

Oleh : Azila binti Rohani@Rosani, Muzium Tekstil Negara

Program Bicara@Muzium Siri 3/2019 kali ini menentang tajuk Evolusi Batik Ruzzgahara. Program yang berlangsung selama 2 jam ini sarat dengan perkongsian berkaitan perkembangan batik dan penjenamaan Ruzzgahara yang disampaikan oleh Encik Nik Faiz bin Nik M.Amin yang merupakan pengasas Ruzzgahara. Beliau juga adalah generasi ketiga pembuat batik dalam susur galur keluarganya. Ruzzgahara mendominasi rekaan corak batik Malaysia dengan memperkenalkan motif tradisional dari Kerajaan Melayu Lama Langkasuka. Kini jenama Ruzzgahara telah dikenali diserata dunia termasuk New York, Milan, London, Paris, Tokyo dan lain-lain.

Selain program bicara turut juga diadakan pameran mini yang

mempamerkan sebanyak 22 koleksi terpilih Ruzzgahara iaitu 14 koleksi kain ela dan 8 set pakaian lengkap. Peserta yang hadir turut berpeluang melihat sendiri proses pembuatan blok batik melalui demonstrasi yang ditunjukkan oleh Encik Khairi Mahmood pembuat blok yang berpengalaman selama 16 tahun yang dibawa khas dari Kampung Sungai Budor, Kelantan.

Objektif program ini diadakan adalah untuk menyebarkan dan memperkembangkan ilmu pengetahuan tentang tekstil kepada para penyelidik, pelajar, mahasiswa dan orang ramai selain dapat menjalinkan hubungan dan kerjasama lebih erat dengan peminat tekstil, fesyen dan budaya melalui perjumpaan bersama di dalam sesi bicara ini.

Program ini telah dihadiri seramai 39 orang termasuk pihak media dari TV3 slot Buletin Utama dan Harian Metro. Para peserta yang hadir berpeluang untuk berkongsi pendapat dan pandangan berkaitan perkembangan batik di Malaysia dan berharap Ruzzgahara meneruskan usaha untuk memperkenalkan batik Malaysia di persada dunia. Peserta juga berharap pihak muzium terus menganjurkan program-program sebegini kerana melalui program-program seperti bicara@muzium, bengkel dan lain-lain aktiviti akan menjadi satu landasan perkongsian ilmu secara umum. Program ini berakhir pada jam 12.30 tengahari.



PROGRAM OUTREACH “KENALI MUZIUM@MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL SIRI I 2019”

Oleh: Intan Khafdzrillia binti Fadzri, Muzium Automobil Nasional

PROGRAM PERMUZIUMAN



Pada 23 Julai 2019 yang lalu, Muzium Automobil Nasional telah menganjurkan satu program iaitu Program ‘Kenali Muzium’ Siri I 2019. Program ini merupakan satu program jangkauan luar bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar sekolah mengenai latar belakang penubuhan muzium, koleksi dan juga kerjaya dalam bidang permuziuman. Selain itu, ianya bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar tentang peranan dan fungsi muzium dalam memelihara, mempamer dan menjaga khazanah warisan bangsa. Muzium Automobil Nasional turut bekerjasama dengan Muzium Tekstil Negara, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dalam melaksanakan program dan aktiviti ini. Objektif penganjuran program tersebut adalah bagi mempromosikan dan menonjolkan peranan muzium sebagai tempat pendidikan tidak formal dan gedung ilmu kepada masyarakat; memupuk semangat patriotik dan cintakan negara; mendekatkan muzium dengan masyarakat terutamanya dengan pelajar-pelajar sekolah melalui aktiviti permuziuman yang dijalankan dan menambahkan statistik pelawat muzium.

Sejumlah 550 orang murid yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan empat telah dipilih oleh guru untuk menyertai aktiviti ‘Teka Silang Kata, Cari Perkataan Tersembunyi dan Jigsaw Puzzle’ yang diketuai oleh Puan Intan Khafdzrillia binti Fadzri dari Muzium Automobil Nasional, Jabatan Muzium Malaysia. Program ini turut dibantu oleh dua orang kakitangan iaitu Encik Rostan Hakimi, Encik Mohd Shaiful Anuar dan 4 orang pelajar praktikal. Selain itu, pelajar juga berpeluang menyertai aktiviti tutorial memakai kain batik sarung dan mewarna ‘batik’ yang diketuai oleh Cik Kartina binti Abdul Khalid, Penolong Kurator dari Muzium Tekstil Negara dan dibantu oleh empat orang kakitangan iaitu Encik Habibul Rahman bin Romli, Nor Salawati binti Abd Kamal, Encik Abdul Rahim bin Marzuki dan Zaitun binti Isa. Program ini berakhir pada jam 1 petang.



Program Bicara @ Muzium : Pemuliharaan Warisan Sejarah Kota Kuala Kedah : “Usaha Pemuliharaan dari Sudut Teknikal dan Sejarah Kota”

Oleh : Zamzarina binti Khalid, Muzium Arkeologi Lembah Bujang



Para peserta yang menghadiri program Bicara @ Muzium: Pemuliharaan Warisan Sejarah Kota Kuala Kedah: “Usaha Pemuliharaan Dari Sudut Teknikal Dan Sejarah Kota”



Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs Dr. Ibrahim Bin Bakar, Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah



Pembentangan kertas kerja oleh En. Rosli Bin Haji Nor



Sesi penyampaian sijil penyertaan oleh Ketua Muzium Kota Kuala Kedah



Sesi soal jawab



Pembentangan kertas kerja oleh Prof. Madya Dr. Siti Norlizaiha Binti Harun

Pada 29 Julai 2019, Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan Program Bicara@Muzium: Pemuliharaan Warisan Sejarah Kota Kuala Kedah: “Usaha Pemuliharaan daripada Sudut Teknikal dan Sejarah Kota” di ruang pejabat Muzium Kota Kuala Kedah. Perasmian program ini disempurnakan oleh YBrs Dr. Ibrahim bin Bakar, Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. Turut hadir Pengarah Tourism Malaysia Kedah, Arkib Malaysia Cawangan Kedah Perlis, Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negeri Kedah dan YBrs Dato’ (Dr) Wan Shamsudin bin Mohd Yusof selaku penasihat Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah. Seramai 140 peserta telah menghadiri program yang terdiri kakitangan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Maktab Rendah Sains Mara, Sekolah Menengah Teknik, kakitangan muzium dan orang perseorangan.

Pengisian program ini ialah pembentangan kertas kerja oleh dua orang penceramah yang mempunyai pengalaman dalam bidang seni bina dan pemuliharaan warisan sejarah iaitu Prof. Madya Dr. Siti Norlizaiha binti Harun, Pensyarah Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara dengan tajuk “Pembangunan Pelancongan Warisan Melalui Pemuliharaan dan Persembahan Interpretasi”. Pembentang kedua ialah Encik Posli bin Haji Nor, Pensyarah Universiti Lim Kok Wing dengan tajuk “Pemuliharaan Kota dari aspek Teknikal dan Sejarah Kota”.

Menurut Prof. Madya Dr. Siti Norlizaiha binti Harun pemuliharaan merupakan satu proses penjagaan dan mengawasi sesebuah tapak dan bangunan bersejarah

daripada dimusnahkan atau dibaikpulih dengan pengurusan yang sistematik. Sebagai contoh tapak bersejarah Kota Kuala Kedah yang kaya dengan nilai-nilai sejarah merupakan warisan yang amat penting kepada negeri Kedah. Melalui pemuliharaan kota ini pengunjung akan dapat merasai kehebatan dan kegemilangan kota ini termasuk menyelami semangat perjuangan orang Melayu.

Manakala Encik Rosli bin Haji Nor membicarakan tentang pemuliharaan bagi mengekalkan bangunan kepada bentuk asalnya yang merangkumi kerja pemeliharaan, pembaikan dan pembinaan semula. Pemuliharaan dilakukan supaya sesebuah monumen kekal lebih lama dalam bentuknya yang paling asli untuk tatapan generasi akan datang dan juga bagi tujuan penyelidikan. Beliau juga membincangkan pemuliharaan Kota Kuala Kedah termasuk pintu gerbang Kacapuri yang merupakan pintu utama ke kota ini. Namun begitu terdapat juga masalah utama bagi kerja-kerja pemuliharaan Kota Kuala Kedah seperti ketiadaan dokumen rujukan bagi tujuan pemeliharaan atau pembinaan semula sama ada dalam bentuk lukisan atau lakaran. Namun struktur kota yang masih kukuh dapat memberi rujukan yang amat penting daripada segi binaan, teknik binaan dan ukuran bahan.

Program ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan penyampaian sijil kepada peserta. Diharap program ilmiah seperti ini akan mampu memberi kesedaran sosial kepada masyarakat terutama para pelajar untuk lebih mencintai dan menghargai sejarah, khazanah dan warisan budaya negeri Kedah.

KURSUS APLIKASI SAINS DALAM PEMULIHARAAN ARTIFAK

Oleh: Nor Jawahir binti Raduian, Bahagian Pengurusan Konservasi



Dr. Hishamuddin (kakitangan Agensi Nuklear Malaysia) menunjukkan kepada peserta cara mengendalikan XRF boleh alih



Taklimat sebelum lawatan bermula di Agensi Nuklear Malaysia

Pada 6 dan 7 Ogos yang lepas telah diadakan satu kursus aplikasi sains dalam pemuliharaan artifak yang dirangka oleh Bahagian Pengurusan Konservasi dibawah kelolaan Unit Pembangunan Modal Insan, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia (ANM). Kursus ini mempunyai objektif dalam memberikan pendedahan asas kepada para peserta berkenaan teknik dan aplikasi yang digunakan oleh ANM dalam pemuliharaan artifak. Antara pendekatan nuklear yang digunakan adalah penyimpanan bahan, penilaian bahan artifak, pemeliharaan artifak, pencirian bahan yang merangkumi analisis unsur, analisis struktur, pencirian partikel dan analisis haba, perlindungan artifak serta laporan analisis struktur dan bahan. Antara alatan yang digunakan adalah *Scanning Electron Microscopy (SEM)*, *X-Ray Fluorescence (XRF)* dan juga *X-ray Diffraction (XRD)*.

Kursus ini berlangsung selama dua hari dan di dua tempat berbeza iaitu pada hari pertama di JMM dan hari kedua di ANM. Sepanjang di JMM, peserta didedahkan secara teori dan sesi ceramah oleh para penceramah dari ANM. Pendedahan awal adalah berkaitan Aplikasi Sains dan teknologi Nuklear dalam pemuliharaan Khazanah artifak secara umum oleh Dr Yusof Abdullah dan seterusnya perincian yang lebih mendalam tentang penggunaan alatan di ANM iaitu pengenalan kepada teknik Pembelaan Sinar-X (XRD) dan Pendafloor Sinar X (XRF) bagi melihat aplikasinya dalam pencirian artifak oleh Dr Roshanorlyza Hazan dan penggunaan Mikroskopi Imbasan Elektron (SEM) oleh Puan Nadira Kamarudin. Sesi petang diteruskan lagi dalam aplikasi teknik Nuklear melalui kaedah tentumuran artifak dan analisis persekitaraan oleh Puan Nooradilah Abdullah dan yang terakhir ialah teknik radiografi dan pengaktifan neutron: Aplikasi dalam kajian pengimejan dan ketulenan artifak oleh Dr Muhammad Rawi Mohamed Zin.



Peserta kursus bersama Timbalan Ketua Pengarah Dasar

Pada hari kedua, para peserta didedahkan dengan aplikasi dalam penggunaan mesin dan teknik nuklear bagi pengendalian artifak. Terdapat empat kumpulan kecil dibahagikan daripada 25 orang bagi memudahkan kesemua peserta mendapatkan maklumat secara efektif agar kesemua peserta dapat menggunakan mesin bagi memahami teknik nuklear dalam pengendalian artifak. Setiap kumpulan dibawa melawat ke beberapa lokasi yang berbeza mengikut jadual yang telah ditetapkan. Peserta telah melawat ke *Neutron Radiography and Imaging (NURI)* di PUSPATI TRIGA Reaktor bagi melihat sendiri teknik radiografi dan pengaktifan neutron bagi menentukan elemen bahan dan juga keaslian artifak. Selain itu, peserta juga diperkenalkan dengan alatan mikroskopi imbasan elektron (SEM) dan X-Ray pembiasan tenaga (EDX) bagi menentukan pencirian artifak. Selain daripada pencirian bahan, teknik ini dapat menentukan sejarah asal artifak tersebut seperti jangkaan umur, tekstur dan juga penting dalam proses konservasi artifak.

Antara teknik nuklear yang boleh mendapatkan data secara terperinci secara kualitatif dan kuantitatif ialah XRF dan XRD. Terdapat dua jenis XRF yang diperkenalkan iaitu XRF boleh alih dan XRF tidak alih (*Energy Dispersive X-Ray Fluorescence (EDXRF)*). XRF boleh alih dapat mengesan pencirian bahan secara kualitatif, manakala EDXRF dapat menentukan pencirian bahan secara kualitatif dan kuantitatif. Para peserta dapat meneliti secara dekat mesin serta teknik nuklear dalam pengendalian artifak di bawah seliaan kakitangan Agensi Nuklear Malaysia.

Kursus dua hari yang singkat dan padat ini dapat memberikan pendedahan secara teori dan praktikal kepada semua peserta yang terlibat. Hal ini dapat membuka minda ke semua peserta bahawa konservasi bukan hanya menjalankan aktiviti restorasi dan kuratif tetapi lebih daripada itu. Proses konservasi perlu dijalankan secara teliti dengan memahami pencirian, asal usul, keaslian dan analisis elemen bagi setiap artifak. Pendedahan yang diberikan dalam kursus ini telah memberikan impak yang besar berdasarkan teknik dan teknologi yang lebih canggih dan juga cara pemikiran orang awam berkenaan Agensi Nuklear Malaysia. Hal ini kerana, ramai yang rasa takut dan gusar apabila perkataan 'Nuklear' digunakan. Nuklear sering digambarkan sebagai perkara yang memberi impak yang negatif seperti kesan radiasi dan mutasi. Namun begitu, kursus ini telah menukar pemikiran peserta dan memberikan fakta yang menarik bahawa nuklear sebenarnya memberikan kesan yang positif dan tidak menakutkan malahan penting dalam aplikasi teknik konservasi pada masa hadapan kelak.



Peserta selesai menghadiri kursus di Agensi Nuklear Malaysia.



PROGRAM BICARA@MUZIUM 2019 BERTAJUK: KEASLIAN ORANG ASLI: MENJEJAK ASAL USUL LELEHURNYA

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Muzium Seni Kraf Orang Asli

PROGRAM PERMUZIUMAN



Alunan tiupan pensol dan permainan alat muzik buluh centong oleh Kumpulan Bah Bola, Suku Kaum Semai, Pahang sebelum majlis perasmian bermula.

Pada tahun ini, Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) sekali lagi meneruskan penganjuran satu program wacana ilmu yang dinamakan Program Bicara@Muzium 2019 dan pihak Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) telah memilih satu tajuk khusus untuk program ini iaitu **Keaslian Orang Asli: Menjejak Asal Usul Leluhurnya** yang memberi fokus kepada DNA dan Genetik, Bahasa dan Linguistik Orang Asli. Program bicara ini juga yang telah dimasukkan dalam Kalendar Tahun 2019 Jabatan Muzium Malaysia (JMM).

Dua orang pembentang kertas kerja telah dijemput khas untuk Program Bicara@Muzium ini iaitu Prof. Dr. Zafarina binti Zainuddin, Pengarah, Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis, Universiti Sains Malaysia (USM) yang membentangkan tajuk di atas dari sudut DNA & Genetik Orang Asli. Ahli panel yang kedua iaitu Dr. Samsur Rijal bin Yahaya, Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM) pula memberi penekanan kepada Bahasa & Linguistik Orang Asli. Program bicara ini telah berlangsung dengan jayanya pada 1 Ogos 2019 (Khamis), di Auditorium, Jabatan Muzium Malaysia. Pada awalnya, pihak MSKOA hanya mensasarkan kehadiran seramai 300 orang sahaja tetapi program ini telah mendapat perhatian dan berjaya menarik minat orang ramai di mana ianya telah menggamit kehadiran para peserta seramai 310 orang. Mereka yang hadir dalam program bicara ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, pegawai dan kakitangan JMM, siswa dan siswi dari institut pengajian tinggi awam (IPTA), pihak media, aktivis dan NGO Orang Asli, penganjur seni, orang perseorangan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli serta masyarakat orang asli itu sendiri.

Program Bicara@Muzium 2019 ini telah disempurnakan perasmiaannya oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia dan ucapan program ini telah disampaikan oleh YBr.

Prof. Dr. Juli a/I Edo, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Program ini juga turut dihadiri oleh YBr. En. Mohd Azmi bin Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia.

Objektif utama program bicara ini ialah untuk memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai asal usul keaslian identiti masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Selain itu, program ini juga berperanan untuk mendokumentasi setiap maklumat berkaitan dalam apa jua bidang kajian Orang Asli untuk simpanan dan rujukan pada masa akan datang. Program bicara seperti ini juga dapat menjalinkan jaringan kerjasama dan perkongsian maklumat di antara Jabatan Muzium Malaysia umumnya dan MSKOA khususnya bersama tokoh-tokoh/pengkaji/ilmuan/aktivis serta agensi - agensi yang berkaitan rapat dengan masyarakat orang asli itu sendiri.

Melalui program ini pelbagai faedah yang dapat diperolehi oleh jabatan, terutamanya melahirkan kembali jaringan kerjasama yang sedia ada dan mempererat lagi jalinan tersebut dengan pihak yang terlibat dengan komuniti Orang Asli. Dengan adanya Program Bicara seperti ini juga, perkongsian ilmu dan kepakaran di antara Jabatan Muzium Malaysia umumnya dan MSKOA khususnya bersama tokoh-tokoh akademik/pengkaji/ilmuan/aktivis dapat dipertingkatkan lagi. Program ini juga menjadi nilai tambah kepada fungsi dan peranan muzium itu sendiri. Melalui program seperti ini dapat menanam minat kepada semua masyarakat untuk sentiasa mengunjungi muzium dan menjadikan muzium sentiasa dihati mereka sebagai gedung ilmu pengetahuan. Program sebegini juga membolehkan Muzium Seni Kraf Orang Asli khususnya dan JMM khasnya mendokumentasikan maklumat-maklumat penting berkaitan Masyarakat Orang Asli.





Majlis

RAMAH MESRA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DI JABATAN MUZIUM MALAYSIA

Oleh : Roseanida binti Abdul Kadir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

PROGRAM PERMUZIUMAN



Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan majlis ramah mesra bersama penggiat industri pelancongan bertempat di Dataran Muzium Negara pada 1 Julai 2019. Bersempena dengan majlis tersebut turut diadakan majlis perasmian Pameran a-Haramain yang telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia iaitu YB Datuk Mohamaddin bin Ketapi. Majlis bermula jam 2.00 petang dengan kehadiran YB Menteri pelancongan diiringi pegawai kanan MOTAC. Majlis dimeriahkan lagi dengan sesi penyampaian hadiah bagi pertandingan Deco Aidilfitri 'Satu Syawal' yang telah dimenangi oleh Unit Sumber Media sebagai johan, tempat kedua dimenangi oleh Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi, manakala tempat ketiga pula ialah Bahagian Komunikasi Korporat. Bagi pertandingan Foto Raya Kreatif, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi telah diumumkan sebagai pemenang utama, manakala tempat kedua Pejabat Timbalan Ketua Pengarah dan tempat ketiga pula ialah Muzium Sungai Lembing. Bagi kategori pertandingan Gerai Raya Waris pula, tempat pertama telah dimenangi oleh Muzium Negara, tempat kedua Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi dan tempat ketiga dimenangi oleh Muzium Etnologi Dunia Melayu.

Sepanjang majlis berlangsung tetamu yang hadir telah mengayakan pakaian yang cantik dan bersesuaian dengan tema. Pihak juri telah membuat pemerhatian secara rahsia bagi memilih pemenang Busana Tercantik Lelaki & Perempuan. Puan Zainab binti Ab Hadi dari Bahagian Pengurusan Koleksi telah dipilih sebagai pemenang bagi pertandingan Busana Tercantik Perempuan manakala Encik Nizam bin Othman dari Muzium Alam Semulajadi pula bagi kategori Busana Lelaki Tercantik. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang-pemenang yang bertanding.

Majlis ini mendapat sambutan yang meriah. Pelbagai gerai makanan menyajikan juadah yang enak dan lazat kepada tetamu yang hadir. Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan *live band* oleh pemuzik yang dijemput khas untuk memeriahkan lagi suasana majlis. Secara keseluruhannya semua kakitangan Jabatan Muzium Malaysia telah memberikan kerjasama yang baik bagi menjayakan majlis ini dan telah berakhir lebih kurang jam 6.00 petang.



TRADISI BAMUKUN KEDAYAN LABUAN “LANDASAN INTERAKSI TERUNA-DARA, MENGERAT SILATURRAHIM”

Oleh : Zainon Halon, Muzium Chimney



TRIVIA

Komuniti Kedayan merupakan salah satu kumpulan etnik beragama Islam yang dapat ditemui di negeri Sarawak, Sabah dan juga Labuan. Sejarah kedatangan awal mereka di Borneo masih menjadi persoalan para sejarawan dan ahli-ahli antropologi bila mana terdapat pelbagai teori yang menjelaskan tentang asal usul masyarakat ini. Sebahagian besar merumuskan asal usul etnik Kedayan amat berkait rapat dengan percampuran budaya di antara orang Jawa dan masyarakat Melayu-Brunei. Teori ini merujuk kepada peristiwa pengembaraan Sultan Brunei ke-5 iaitu Sultan Bolkiah (1473-1521) ke Pulau Jawa, Sumatera dan Kalimantan di Indonesia. Kerajinan dan kemahiran orang-orang Kedayan dalam bercucuk tanam telah menarik minat Sultan Brunei sehingga baginda menawarkan dan membawa mereka menetap di Brunei. Bertitik tolak daripada peristiwa tersebut maka bermulalah petempatan orang-orang Kedayan di Brunei dan seterusnya berkembang sehingga ke Sarawak, Sabah dan Labuan.

Identiti Kedayan sememangnya unik dengan pelbagai warisan tradisi turun temurun. Sehingga kini, tradisi Bamukun masih diamalkan terutamanya sebagai seni hiburan ketika berlangsungnya acara-acara keramaian. Bamukun atau berbalas pantun dikatakan telah dimulakan oleh masyarakat Kedayan Sarawak sehingga tersebar luas merentasi sempadan Sabah dan Labuan. Bamukun sebenarnya simbolik bagi pencarian calon-calon suami buat si dara Kedayan. Landasan interaksi teruna-dara diluahkan melalui rangkap-rangkap pantun yang dijual beli antara Si Penandak (teruna) dan Sih Gendang (dara). Walaupun bebas berjual beli pantun, namun adab-adab sopan dan tatasusila pergaulan tetap dijaga terutamanya dalam menjaga nama baik dan menghormati induk (Ibubapa).

Dalam Bamukun penjagaan adab dan tertib pergaulan teruna-dara jelas dititikberatkan dengan menempatkan kedudukan Sih Gendang (dara) di sebalik tabir atau tirai yang menjadi penghadang atau had kepada Si Penandak (teruna). Secara asasnya si dara akan berada di sebalik tabir sambil memukul gendang dan menjual pantun-pantun kepada Teruna Pengayau yang datang bertandang. Sementara Teruna Pengayau yang berani masuk ke gelanggang Bamukun dengan tujuan mencari calon isteri akan menjual beli pantun atau bertandak sehabis baik agar dapat memikat hati si dara di balik tabir pemisah. Dengan langkah diatur, si Penandak kelihatan segak



Kanan -Busana tradisi Kedayan. Baju Butang Tipai (Lelaki), Baju Basuja Bakubamban (Perempuan), Kiri – Anak-Anak Kedayan

memakai baju tradisi berwarna hitam merah dikenali sebagai Baju Butang Tipai bertanjak manakala Sih Gendang manis menyarungkan Baju Basuja Bakubamban dan penutup kepala Sarukop sambil mengalunkan nyanyian pantun diiringi pukulan gendang. Adakalanya aktiviti Bamukun memakan masa hingga ke larut malam kerana terdapat teruna-teruna Pengayau yang masih ingin mencuba nasib menunjukkan kehebatan bertandak kepada si dara idaman.

Awal kewujudan budaya Bamukun dalam kehidupan orang-orang Kedayan turut digunapakai dalam aspek-aspek yang lain antaranya bagi upacara ritual membuka hutan dan menataki (menjampi) kawasan baru untuk bercucuk tanam, menuai hasil tanaman serta meraikan acara makan-makan sapaian (makan sekeluarga). Seiring dengan kedatangan agama Islam, segala amalan khurafat, pelbagai jampi serapah yang terdapat dalam Bamukun telahpun ditinggalkan. Kini budaya Bamukun tidak lagi sepenuhnya menjadi platform kepada pencarian jodoh buat teruna-dara Kedayan, tetapi telah menjadi landasan interaksi bagi mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli-ahli masyarakat setempat selain menggambarkan nilai-nilai murni, emosi perasaan malah idea melalui pelbagai rangkap pantun yang dilontarkan. Penggunaan alat-alat muzik yang lebih moden antaranya gambus, biola, arkodian, gong dan papan nada juga telah menceriakan dan memeriahkan lagi suasana majlis yang berlangsung.



JEJAK SEJARAH MUZIUM SUNGAI LEMBING

Oleh: Nur Suhadah binti Rahmat, Unit Pembangunan Modal Insan



Sesi lawatan pada jam 09.00 malam
Pengalaman melawat muzium diwaktu malam adalah saat yang mengujakan kami



Puspanita JMM dengan kerjasama Muzium Sungai Lembing telah merialisasikan “Program Jejak Sejarah Muzium Sungai Lembing” dengan dihadiri oleh 15 orang ahli Puspanita JMM dan 7 orang dari Puspanita Cawangan MOTAC. Program ini berlangsung pada 12 Julai 2019 hingga 14 Julai 2019. Jejak Sejarah Muzium Sungai Lembing ini merupakan program yang diadakan berikutan maklumbalas daripada Program “Bila Wanita Berbicara” pada 15 Mei 2018 (Selasa) dimana perbincangan dua hala antara ahli jawatankuasa dan ahli Puspanita JMM mendapatkan respon berhubung program Puspanita JMM bagi tahun 2019 dijalankan mengikut permintaan ahli Puspanita JMM. Sejumlah RM150.00 seorang yuran penyertaan dikenakan bagi ahli Puspanita yang mengikuti program ini.



Bukit Panorama

Program ini dilaksanakan untuk memupuk semangat cintakan sejarah, disamping menanam budaya gaya hidup sihat, memberi kesan positif serta mendekatkan diri kepada kebesarannya. Cabaran pendakian ini merupakan simbolik untuk melihat sejauh mana daya ketahanan diri untuk tiba di puncak.


Berketinggian 320 meter dari aras laut sudah cukup menjadikan Bukit Panorama sebagai daya penarik kepada mereka yang mencintai alam sekitar yang menjanjikan pemandangan indah ketika matahari terbit. Pendakian ke puncak mengambil masa antara 25 minit hingga 45 minit mengikut ketahanan individu.

Terowong Bawah Tanah

Terowong Bawah Tanah atau “Pengkang” dikorek secara manual tanpa menggunakan bahan letupan. Sebelum kerja melombong dijalankan ahli-ahli kaji bumi terlebih dahulu mengkaji kedudukan longgokan bijih timah. Kajian dilakukan secara berterusan bagi memastikan perlombongan terus beroperasi. Terowong terdalam adalah lombong niyah. Lombong ini terletak 700 meter ke bawah dasar bumi manakala Lombong Tabeto pula mencecah 500 meter ke dasar bumi.



Sebahagian potret peribadi Tun Abdul Razak



Rumah Kelahiran Tun Abdul Razak

Pembinaan Semula Rumah Kelahiran Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein adalah untuk mengenang bukan sahaja jasa seorang tokoh pemimpin tanah air terkemuka, malahan menawarkan peluang untuk melihat dari dekat contoh seni bina tradisional. Rumah ini dibina semula di atas tapak dan bentuk yang asal oleh tukang tradisional tempatan yang mahir. Rumah ini merangkumi tiga bahagian iaitu surung berbendul, ibu rumah dan dapur.

Program yang julung kali diadakan ini telah memberikan semangat kepada ahli Puspanita untuk lebih aktif dalam menjalankan program seumpama itu.

Cinta Warga Merdeka

Dengan zikir kasih kami bukakan singhsana
Menjulung jalur gemilang bersama sejarah
Yang tertarik cerita luka bersama air mata....
Dari simbahan maruah moyang berzaman
Inilah bisikan cinta kami
Istana kasih yang kukuh
Merangkul mesra dipersada visi
Menganyam janji pada diri...

Meski....telah kami punahkan sejarah berdarah
Dalam zikir kasih menyusur perjuangan
Namun....segala yang pernah musnah
Membangkitkan urat nadi pembela pertiwi...

Menjunjung martabat bangsa bermaruah
Kerana...kamilah warisan turun temurun
Memadu sumpah buat dititipkan
Pada seluruh cakerawala setia...
Akan kami laungkan keamanan....
Akan kami nyanyikan semangat merdeka...

Dimaya ini...
Misteri ngeri luka silam masih mengimbau,
Mengamit sejuta pesona waspada....
Akan Kami tangkis durjana menepis
Mengikis tapak sengsara dimata...

Disini...
Kamilah anak merdeka
Mclangkah maju tidak gementar
Membentuk wawasan tidak gegar
Kamilah pejuang pembangunan abadi
Akan kami cincang cabaran merentang
Akan kami tentang jejak melentang
Kamilah pewaris menunjang pedang kerukunan
Menabur bunga bijaksana bangsa
Atas gemala cita menyatu sejahtera
Tidak akan dimamah rebah dimamah sejarah
Kami akan abadikan seluruh degup jantung
Membina cinta waja dalam sumpah
Kami Anak Merdeka.....

Nukilan : Azlina Binti Ariffin



Jabatan Muzium Malaysia

Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

www.jmm.gov.my



MUZIUM NEGARA
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK
TAIPING PERAK



GALERIA PERDANA,
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,
JOHOR



MUZIUM LABUAN,
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,
LABUAN



MUZIUM LUKUT,
NEGERI SEMBILAN

MUZIUM KITA
TAMADUN KITA

Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur

Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255

Faks: (+603) 2282-6434 <http://www.jmm.gov.my>